

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM)

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif dan insentif yang ditawarkan kepada golongan belia dan lepasan sekolah yang ingin menceburi bidang TVET bagi menambah baik taraf kehidupan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Pakatan Harapan (PH) serius dalam meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di kalangan belia dan lepasan sekolah mengikut saranan Rancangan Malaysia Ke-11.
2. Pelbagai inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan terutamanya untuk menggalak belia dan lepasan sekolah supaya menceburi bidang TEVT bagi menambah baik taraf hidup mereka melalui:
 - i. Pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) iaitu kaedah berorientasikan industri yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Pelatih akan menjalani 70% latihan secara praktikal (hands

SOALAN NO : 9

on) di tempat kerja sebenar dan 30% lagi adalah latihan di institusi latihan bagi pembelajaran teori. Program ini dikendalikan melalui usaha sama syarikat dan institusi latihan. Pelatih yang mengikuti program SLDN berinsentif akan mendapat insentif sebanyak RM300 yang diberikan secara bulanan. Untuk rekod, sehingga Januari 2019, lebih 108,000 pelatih telah menyertai program ini. Pelatih juga mempunyai peluang besar ditempatkan bekerja ditempat kerja tersebut sekiranya menunjukkan potensi dan kompetensi yang diperlukan oleh majikan.

ii. Selain itu, Program SLDN Khas telah diwujudkan bagi membantu golongan yang ingin terus masuk ke pasaran pekerjaan. Pelatih yang mengikuti Program SLDN Khas ini turut layak menerima insentif RM300 sebulan sepanjang latihan yang mereka terima.

iii. Sebagai tambahan, Kerajaan telah mengiktiraf dan membuka peluang bagi calon yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dikeluarkan oleh JPK dalam 66 bidang kemahiran tertentu untuk menyertai sektor awam sesuai dengan keperluan Jabatan tersebut dalam melaksanakan skop fungsi bidang tugas yang diperlukan oleh perkhidmatan berkaitan. Ini adalah tarikan terbaharu bagi belia untuk menceburi bidang kemahiran (TVET) sebagai pilihan utama.

3. Secara kesimpulannya, pelbagai inisiatif dan insentif telah diperkenalkan kerajaan bagi membuka mata masyarakat untuk menyertai TVET. Pendapatan yang lumayan serta peluang pekerjaan yang luas adalah ganjaran utama kepada graduan-graduan TVET. Perlu kita ingat, untuk menjadi negara maju, kita perlu membangunkan sebanyak yang mungkin tenaga kerja mahir berasaskan TVET untuk menyokong pembangunan negara.